

Pinjaman luar negara sebagai penanda aras

UM 23 JUL 2002

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 22 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah kerajaan membuat pinjaman luar negara hanyalah sebagai satu penanda aras (*benchmarking*) bagi menentukan tahap keupayaan kredit negara.

Justeru, tegas Perdana Menteri, pinjaman berkenaan tidak sekali-kali boleh menggambarkan kerajaan sebagai tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, kerajaan memang berhutang tetapi dalam jumlah yang sederhana dan kebanyakannya diperoleh dari sumber dalam negara.

“Sebab itulah hari ini negara kita tidak terikat dengan hutang yang terlalu besar sehingga terpaksa menggunakan hasil kita untuk membayar hutang,” katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Kompleks Kerajaan Jalan Duta di sini hari ini.

Turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan kedua-dua Timbalan Menteri Kewangan iaitu Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh dan Datuk Chan Kong Choy.

Perhimpunan itu merupakan yang terakhir diadakan di situ kerana mulai bulan depan, Kementerian Kewangan akan berpindah ke bangunan baru di Presint 2, Putrajaya.

Dr. Mahathir berkata, pada hari ini, keupayaan kredit negara berada pada tahap yang baik sehingga banyak pihak menawarkan pinjaman untuk Malaysia.

Malah, tegas beliau, ada pihak yang menawarkan satu jumlah yang melebihi daripada apa yang diperlukan.

“Ini menunjukkan betapa kuatnya kewangan negara kita. Kita harus teruskan dengan usaha dan cara kita mentadbir kewangan kita ini,” katanya.

Secara keseluruhannya, kata Perdana Menteri, kerajaan telah menguruskan kewangan negara dengan cekap dan tidak berbelanja melebihi kemampuan kewangan negara.

“Sebab itu kita berani

mewujudkan Putrajaya kerana apa yang kita lakukan adalah dalam kemampuan kita, tidak lebih daripada itu (kemampuan).

“Kalau negara ini merosot prestasinya dan menjadi miskin, mungkin kerajaan terpaksa jual bangunan baru itu kerana tidak ada duit.

“Pegawai-pegawai dan anggota Kementerian Kewangan tentu tahu kita tidak menjadi bangkrap, kerana rancangan ini (Putrajaya), kerana kita dapat menguruskan kewangan kita dengan baik,” katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menggesa semua pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan meneruskan kecekapan dan kecekapan dalam merancang

dan menguruskan kewangan negara.

Katanya, kecekapan mereka itu telah meletakkan kewangan negara berada di tahap yang sihat dan tidak dapat ditekan oleh mana-mana pihak.

“Sekarang ini kita sedang bersiap untuk Belanjawan 2003 dan saya yakin belanjawan ini akan menunjukkan kekuatan ekonomi dan kewangan negara kita,” katanya.

Beliau juga yakin negara akan dapat mengurangkan lagi defisit kewangan negara, sekaligus meningkatkan lagi kedudukan kewangan negara.

“Saya harap ini dapat diteruskan walaupun kita akan mempunyai Menteri Kewangan dan Perdana Menteri yang lain,” katanya.